

30 AUG 2003

PPP-MCA

MCA DIGESA JALIN IKATAN DGN PARTI KECIL BN DI P.PINANG

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas menggesa MCA supaya menjalinkan ikatan persaudaraan dengan parti-parti kecil dalam Barisan Nasional (BN).

Dalam menyambut baik kerjasama persaudaraan antara MCA dan Gerakan, beliau berkata ikatan seperti itu malangnya tidak wujud antara PPP dan MCA.

Beliau berkata jika MCA sedia bekerjasama rapat dengan Gerakan, MCA juga harus memelihara hubungan dengan parti lain.

"Presiden parti yang lebih kanan perlu menghormati pemimpin parti komponen BN yang lain sama ada parti itu besar atau kaya.

"Kita harus lihat berapa banyak sokongan yang didapati oleh sesebuah parti," Kayveas berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bahan makanan bernilai RM3,000 kepada lima rumah kebajikan sempena program kebajikan Hari Kebangsaan parti berkenaan di sini hari ini.

Beliau menekankan bahawa hubungan mesra adalah penting di kalangan parti komponen BN dari pelbagai latarbelakang untuk mengukuhkan sokongan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Kayveas menggesa semua 14 komponen parti BN mengutamakan tradisi BN dalam menjalinkan kerjasama rapat supaya memastikan BN menumpaskan pembangkang.

Mengenai mesyuarat majlis tertinggi parti itu hari ini, beliau berkata mereka membincangkan mengenai mesyuarat agung tahunan (AGM) parti itu pada 28 Okt ini serta pemilihan Pemuda dan Wanita sehari sebelum itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan mesyuarat agung PPP itu.

Beliau membayangkan PPP akan mengadakan sesuatu yang istimewa bagi Dr Mahathir yang akan bersara pada Oktober, pada majlis perasmian itu.

"Semua pihak kini berebut untuk memberi penghormatan perpisahan tetapi PPP mempunyai cara tersendiri berbuat demikian. Ianya sederhana tetapi mempunyai kenangan. Kita akan mengejutkan beliau (Dr Mahathir)," katanya.

Mengenai kegiatan gangsterisme dan salah laku di kalangan pelajar sejak kebelakangan ini, Kayveas menggesa ibu bapa supaya serius dalam membimbing anak-anak mereka terutama dalam menonton wayang dan program lain.

"Walaupun rancangan di negara ini diklasifikasikan dalam beberapa kategori seperti U, 18SX, 18PA dan 18PL namun ibu bapa tidak memberi penekanan kepada perkara itu. Sebaliknya mereka membiarkan anak-anak menonton filem sesuka hati mereka," katanya.

-- BERNAMA

VP AT DC RON